

REPRESENTASI BUDAYA MELAYU BERDASARKAN KERANGKA BUDAYA 3P DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI TUFS, JEPUN

NOOR ZUHIDAYAH MUHD ZULKIPLI *

WAN MUNA RUZANNA WAN MOHAMMAD**

SHAHLAN SURAT***

NORFAIZAH ABDUL JOBAR****

zuhidayah@fbk.upsi.edu.my*, munaruzanna@ukm.edu.my**, drshahlan@ukm.edu.my***,
norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my****

Abstrak

Representasi budaya dalam pengajaran bahasa terutamanya bahasa asing didapati dilakukan secara tidak seimbang dan tidak lengkap. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka representasi budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Jepun berdasarkan kerangka budaya 3P National Standards (2006). Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan kaedah kualitatif yang melibatkan temu bual dan pemerhatian. Seramai 7 orang pelajar program Bahasa Melayu di TUFS terlibat dalam temu bual, manakala manakala sebanyak 12 kali pemerhatian dilakukan selama sebulan semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan representasi tiga komponen asas budaya, iaitu perspektif, praktik dan produk dalam pengajaran bahasa Melayu di TUFS. Analisis juga menunjukkan item yang paling kerap dipersembahkan adalah agama Islam. Dapatan juga mendapati representasi budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu di TUFS adalah pelbagai dan tidak stereotaip seperti kajian lepas. Implikasi kajian ini dapat memberikan maklumat tentang budaya Melayu yang dipersembahkan dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini dapat membantu perancangan pengajaran bahasa Melayu dengan melibatkan aspek budaya Melayu dengan lebih baik dan berkesan.

Kata Kunci: kerangka budaya 3P, pengajaran bahasa Melayu, representasi budaya Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa asing

Dihantar: 27 November 2022

Disemak: 16 Januari 2023

Diterbit: 31 Mac 2023

* Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

** Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*** Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

**** Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



THE REPRESENTATION OF MALAY CULTURE BASED ON THE 3P CULTURAL FRAMEWORK IN MALAY LANGUAGE TEACHING AT TUFS, JAPAN

NOOR ZUHIDAYAH MUHD ZULKIPLI *

WAN MUNA RUZANNA WAN MOHAMMAD**

SHAHLAN SURAT***

NORFAIZAH ABDUL JOBAR****

zuhidayah@fbk.upsi.edu.my*, munaruzanna@ukm.edu.my**, drshahlan@ukm.edu.my***,
norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my****

Abstract

The presentation of culture in language teaching especially foreign languages is often presented disproportionately and incompletely. Therefore, this study was conducted to explore the Malay cultural representation in the teaching of Malay as a foreign language at Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Japan based on the 3P cultural framework by National Standards (2006). This study was used a case study with qualitative method that involved interviews and observations. A total of 7 students of the Malay language program at TUFS were involved in interviews, while a total of 12 observations were made in a month during the process of teaching and learning Malay language. The results of the study showed there is a representation of three basic components of culture, namely perspective, practice and product in the teaching of the Malay language in TUFS. The analysis also showed that the most frequently presented item is Islam. Findings also found that the representation of Malay culture in the teaching of Malay at TUFS is diverse and not stereotyped as in previous studies. The implications of this study can provide information about Malay culture that is presented in Malay language teaching. This can help Malay language teaching planning by involving the aspects of Malay culture in a better way and more effectively.

Keywords: 3P cultural framework, the teaching of Malay, Malay cultural representation, Malay as foreign language

Submitted: 27 November 2022

Revised: 16 January 2023

Published: 31 March 2023

* Senior Lecturer at Faculty of Languages and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

** Senior Lecturer at Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*** Senior Lecturer at Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

**** Senior Lecturer at Faculty of Languages and Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



1.0 Pendahuluan

Bahasa dan budaya wujud secara bersama dan tidak boleh dipisahkan. Menurut Hernandez et al. (2021), pembelajaran bahasa memerlukan pembelajaran budaya, begitu juga sebaliknya. Hal ini kerana pembelajaran bahasa asing memerlukan pelajar mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang budaya masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut. Realitinya menurut National Standards (2006) "*students cannot truly master the language until they have also mastered the cultural contexts in which the language occurs*". Hal ini bermaksud pelajar tidak dapat menguasai bahasa tanpa pelajar menguasai budaya di mana bahasa itu berlaku.

Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran (PdP) harus disertai dengan PdP budaya. Hidayati et al. (2017) turut menyatakan bahawa bahasa dan budaya adalah satu unit yang perlu dikuasai sebagai satu set pengetahuan sehingga ketidakhadiran salah satu aspek menyebabkan aspek satu lagi tidak lengkap. Hal ini memperlihatkan bahawa kedua-dua aspek perlu dipelajari bagi memahami setiap satunya dan tidak boleh dipelajari secara terpisah. Oleh sebab hubungan yang kuat antara bahasa dan budaya, maka aspek budaya telah dimasukkan dalam PdP bahasa. Namun, timbul persoalan sejauh mana aspek ini dipersembahkan dalam PdP bahasa khususnya bahasa asing. Hal ini kerana mengajar budaya merupakan tugas yang sangat sukar bagi sesetengah guru berikutan kekangan masa dan pengetahuan terhadap budaya sasaran.

Selain itu, berdasarkan dapatan kajian Saemee dan Nomnian (2021), aspek budaya yang dipersembahkan dalam PdP bahasa adalah tidak seimbang dan tidak tepat. Christiansen dan Silva (2016) juga menyatakan bahawa budaya yang dipersembahkan dalam kelas bahasa adalah asas dan terhad kepada topik tertentu sahaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa aspek budaya yang dipersembahkan sama ada dalam buku teks mahupun di dalam kelas terhad dan tidak merangkumi aspek budaya yang lain. Kajian bahasa Melayu juga menunjukkan persamaan dengan kajian lepas, iaitu budaya Melayu yang dipersembahkan adalah terhad dengan melibatkan komponen yang sama khususnya produk budaya yang nyata (Mardian Shah et al. 2017; Junaini et al. 2018).

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi meneroka representasi budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu khususnya di luar negara. Hal ini kerana PdP bahasa asing berlangsung dalam konteks yang terasing daripada bahasa dan budayanya. Kajian ini dapat memperlihatkan aspek budaya Melayu yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu seterusnya membantu guru dan pelajar untuk merancang komponen budaya yang perlu dipelajari bagi menguasai bahasa dan menggunakan bahasa Melayu dengan tepat

1.1 Bahasa dan Budaya


Dalam komunikasi sebenar, bukan sahaja bentuk bahasa yang menyampaikan makna, tetapi bahasa dalam konteks budayanya yang mencipta makna (Erfani, 2014). Hal ini bermaksud dengan pengetahuan terhadap budaya bahasa sasaran, seseorang dapat mentafsir makna dan berinteraksi dengan tepat berbanding seseorang yang mempelajari bahasa tanpa budaya. Junaini et al. (2018) menyatakan bahawa penguasaan bahasa tidak hanya dilihat pada penguasaan aspek linguistik tetapi juga turut dilihat pada



penggunaan bahasa yang tepat dalam konteks. Tegas Mardian Shah et al. (2017) pengajaran bahasa yang mengaitkan aspek budaya bukan sahaja menjadikan pengajaran lebih menarik malah dapat meningkatkan lagi pemahaman pelajar terhadap bahasa yang dipelajari. Oleh itu, keperluan mengajar dan mempelajari budaya bahasa sasaran tidak boleh diabaikan dalam usaha melahirkan pelajar yang menguasai bahasa dan dapat menggunakan bahasa dengan tepat.

1.2 Kerangka Budaya

Kajian ini melibatkan kerangka budaya 3P National Standards (2006) dan inventori budaya Razi (2012). Kerangka dan inventori ini digabungkan bagi mendapatkan data yang lebih komprehensif mengenai representasi budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu di luar negara. Berdasarkan National Standards (2006), terdapat tiga elemen utama budaya, iaitu perspektif, praktik dan produk. National Standards mengemukakan budaya dalam pendidikan bahasa asing sebagai "*the philosophical perspectives, the behavioral practices and the products (both tangible and intangible) of society*". Hal ini bermaksud budaya merupakan satu kefahaman umum yang merangkumi perspektif falsafah, praktik (amalan) tingkah laku dan produk (sama ada yang nyata dan tidak nyata) dalam sesebuah masyarakat. Ketiga-tiga elemen ini merujuk kepada kerangka budaya yang juga dikenali sebagai "Kerangka Budaya 3P" seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka budaya 3P National Standards (2006)

Selain itu, kajian ini turut menggunakan inventori budaya Razi (2012) sebagai panduan bagi meneroka aspek budaya yang terdapat dalam PdP bahasa Melayu di luar negara. Hal ini kerana inventori ini mengandungi item yang lebih terperinci yang mewakili tiga komponen utama yang dikemukakan oleh National Standards (2006). Antaranya, media, rancangan televisyen, tingkah laku lisan, tingkah laku bukan lisan, sistem nilai, pemikiran, kepercayaan, kehidupan berkeluarga, gaya hidup dan pelbagai lagi.

Oleh yang demikian, gabungan kerangka budaya 3P dan inventori budaya digunakan dalam meneliti representasi budaya Melayu dalam pdP bahasa Melayu. Kerangka budaya 3P digunakan sebagai kerangka utama yang melibatkan tiga komponen, iaitu perspektif, praktik dan produk, manakala inventori digunakan untuk penelitian mendalam terhadap item budaya yang mewakili tiga komponen tersebut.



2.0 Kajian Literatur

Kajian mengenai representasi budaya dalam PdP bahasa asing telah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas. Kajian-kajian tersebut banyak memfokuskan representasi budaya dalam buku teks bahasa asing berdasarkan beberapa kerangka budaya seperti kerangka budaya 3P, lima dimensi budaya dan budaya 4P.

Kajian yang dilakukan oleh Saemee dan Nomnian (2021) menggunakan kerangka budaya 4P yang dikemukakan oleh Yuen (2011) dengan tambahan satu komponen yang dikemukakan Nomnian (2013), iaitu tempat. Kajian ini bertujuan meneliti aspek budaya Inggeris yang terdapat dalam buku teks English language teaching (ELT) di sekolah pelbagai budaya di Thailand. Analisis kandungan secara kualitatif dan kuantitatif dilakukan untuk menerangkan dan menganalisis data dengan lebih tepat. Hasil analisis menunjukkan lima komponen budaya ada dipersembahkan dengan produk merupakan komponen utama yang terdapat dalam buku teks ELT. Analisis menunjukkan produk (41%), diikuti praktik (26%), tempat (20%), perspektif dan individu masing-masing 6% dan kategori yang tidak dapat dikenal pasti, 1%. Dapatan ini menunjukkan terdapat ketidakseimbangan persembahan aspek budaya dalam buku teks tersebut. Hal ini dikaitkan dengan aspek yang tidak nyata seperti persektif yang sukar dipersembahkan dalam buku berbanding aspek nyata seperti produk.

Seterusnya, Lustyantie dan Dewi (2020) melakukan kajian bagi meneroka budaya Perancis dalam buku teks bahasa Perancis di Indonesia. Kajian ini menganalisis tiga elemen budaya, iaitu perspektif, praktik dan artifak. Analisis kandungan teks turut digunakan dalam kajian ini dan analisis dilakukan terhadap melibatkan teks Perancis sama ada dalam bentuk lisan mahupun bukan lisan. Dapatan kajian menunjukkan perspektif merupakan elemen utama yang dipersembahkan dengan peratusan tertinggi, 67%. Bagi praktik pula hanya 19%, manakala artifak 14%. Hal ini menunjukkan elemen perspektif lebih kerap dipersembahkan berbanding praktik dan artifak Perancis. Kekerapan elemen perspektif ini adalah sejajar dengan pemikiran masyarakat Perancis yang memegang kuat ideologi yang akhirnya menghasilkan praktik dan artifak Perancis. Hal ini menunjukkan bahawa elemen utama masyarakat Perancis sangat dititikberatkan dalam pengajaran bahasa Perancis kepada pelajar asing.

Selain itu, kajian Rybkova (2018) dilakukan untuk menganalisis tiga buah buku teks bahasa Inggeris yang digunakan dalam PdP bahasa Inggeris, iaitu New Headway (NH), English File (EF) dan Navigate. Analisis dilakukan berdasarkan kerangka budaya Yuen (2011) dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan komponen yang paling kerap dipersembahkan, adalah produk sebanyak 63%, diikuti individu (25%) dan praktik (10.7%). Kajian ini juga mendapati perspektif merupakan komponen yang paling jarang dipersembahkan dengan peratus kecil, iaitu 1.3%. Berdasarkan analisis ketiga-tiga buah buku teks ini, jelas bahawa komponen produk lebih kerap dipersembahkan berbanding tiga komponen budaya yang lain. Dapatan juga menunjukkan buku teks berjudul NH dan EF lebih banyak mengandungi aspek budaya Inggeris berbanding Navigate.



Selanjutnya, Yichen (2016) menjalankan satu kajian di salah sebuah universiti di utara China. Tujuan kajian adalah meneliti elemen budaya yang dipersembahkan di dalam kelas EFL. Kajian menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan temu bual dan pemerhatian kelas EFL yang dilaksanakan oleh empat orang pengajar Cina. Kajian ini turut menggunakan kerangka budaya 3P National Standards (2006). Berdasarkan temu bual dan pemerhatian yang dilakukan, hanya seorang sahaja tenaga pengajar yang mengajar budaya secara meluas. Terdapat 44 topik berkaitan budaya yang dipersembahkan oleh tenaga pengajar tersebut. Jumlah ini melebihi tiga pengajar yang lain dengan masing-masing hanya 3-8 topik sahaja. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan kesemua tenaga pengajar ini lebih cenderung mengajar elemen yang lebih mudah diperhatikan seperti praktik dan produk berbanding perspektif yang bersifat abstrak.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Marrs (2014) bertujuan mengkaji penglibatan budaya 3P dalam pelbagai program pendidikan bahasa asing. Kaedah yang digunakan untuk mengutip data adalah melalui temu bual. Seramai 20 orang tenaga pengajar dan lima orang penulis buku teks bahasa asing terlibat dalam kajian ini. Dapatan yang diperoleh menunjukkan produk sebagai komponen budaya yang sering disajikan, diikuti perspektif, manakala praktik merupakan komponen yang kurang dipersembahkan dalam pengajaran bahasa asing. Antara komponen produk yang sering dipersembahkan, adalah makanan, kesenian dan muzik. Lazimnya, produk budaya sering kali menjadi wahana yang menyediakan jalan bagi membincangkan praktik dan perspektif. Produk juga sering dikaitkan perspektif, iaitu sebab atau makna di sebalik penghasilan produk tersebut.

Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan perspektif budaya turut disajikan dengan baik walaupun sering dipisahkan dengan instruksi bahasa. Namun, sembilan orang guru menyatakan kesukaran untuk mengintegrasikan elemen ini dalam pengajaran. Hal ini kerana perspektif melibatkan unsur 'kenapa' atau 'mengapa' yang sering dianggap sukar dan rumit untuk dijelaskan kepada pelajar serta melibatkan kepercayaan asas yang membimbing produk dan praktik. Walaupun perspektif sukar dijelaskan, namun guru mempunyai kepercayaan yang kuat bahawa elemen ini sangat penting diajarkan biarpun di peringkat yang paling rendah. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen budaya ada disajikan dalam pengajaran, namun penekanan sama rata perlu diberikan terhadap ketiga-tiga elemen dalam menjelaskan budaya sesebuah masyarakat.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian lepas didapati kajian lebih memfokuskan aspek budaya yang dipersembahkan dalam buku teks berbanding aspek budaya yang dipersembahkan semasa proses PdP berlangsung. Keadaan ini kurang memperlihatkan budaya yang disertakan dalam PdP bahasa secara menyeluruh. Dapatan kajian lepas juga menunjukkan aspek budaya yang kerap dipersembahkan adalah stereotaip dengan menonjolkan aspek budaya boleh diperhatikan. Hal ini menunjukkan budaya yang dipersembahkan tidak lengkap dan tidak seimbang. Oleh yang demikian, satu kajian mengenai representasi budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu di luar negara dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang jelas tentang fenomena ini.



3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang representasi budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu di luar negara. Menurut Liamputtong (2014), kajian kes dapat memberi maklumat yang lebih mendalam tentang sesuatu fenomena yang dikaji, manakala Noriah et al. (2013) menyatakan kajian kes dapat membantu memahami fenomena di samping menambah pengetahuan sedia ada. Oleh itu kajian kes dengan melibatkan kaedah kualitatif digunakan bagi memungut data untuk kajian ini.

Kaedah kualitatif dalam kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian di dalam kelas. Menurut Schiazza (2013), penggunaan pelbagai kaedah dapat memberikan kefahaman yang mendalam dan menyediakan data yang lebih empirikal. Kaedah temu bual merupakan kaedah utama bagi kajian ini, manakala kaedah pemerhatian sebagai data tambahan dan sokongan. Kajian ini turut menggunakan pensampelan bertujuan, iaitu pemilihan sampel yang disengajakan berdasarkan kriteria yang dimiliki oleh sampel. Tujuan pensampelan ini digunakan adalah untuk mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki bagi menjawab persoalan kajian (Azizi et al., 2018).

Oleh itu, 7 orang pelajar di Universiti Pengajian Bahasa Asing atau lebih dikenali Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Jepun dipilih bagi menyertai kajian ini. Pelajar ini dipilih berdasarkan tiga kriteria, iaitu terdiri daripada pelajar program bahasa Melayu sebagai program ijazah sarjana muda, pelajar tahun kedua dan ke atas dan mempunyai pengalaman terhadap kelas bahasa Melayu sekurang-kurangnya satu tahun. Maklumat pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat peserta kajian

Bil.	Kod	Umur	Jantina	Latar belakang budaya	Bahasa pertama
1	PK1	Jepun	22	Perempuan	Jepun
2	PK2	Jepun	21	Lelaki	Jepun
3	PK3	Jepun	22	Perempuan	Jepun
4	PK4	Jepun	23	Perempuan	Jepun
5	PK5	Jepun	22	Perempuan	Jepun
6	PK6	Jepun	20	Lelaki	Jepun
7	PK7	Jepun	20	Perempuan	Jepun

Seterusnya, kaedah temu bual dijalankan dengan menggunakan protokol temu bual separa struktur dengan soalan-soalan yang telah dirangka terlebih dahulu. Penggunaan temu bual separa struktur dapat membantu penerokaan terhadap aspek yang dikaji dengan lebih mendalam. Bagi kaedah pemerhatian pula, satu protokol pemerhatian digunakan bagi mencatat butiran penting. Rakaman turut dilakukan bagi menyimpan dan memainkan semula data temu bual dan pemerhatian. Hal ini sangat penting untuk memastikan segala butiran berkaitan adalah tepat dan mendapatkan maklumat lain yang tidak tercatat sewaktu sesi temu bual dan pemerhatian di dalam kelas.



4.0 Dapatan

Berdasarkan analisis temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, dapatan kajian dapat dibahagikan kepada tiga komponen berdasarkan kerangka budaya 3P, iaitu perspektif, praktik dan produk National Standards (2006). Jadual 2 menunjukkan item yang diperoleh daripada analisis data temu bual dan pemerhatian.

Jadual 2: Analisis data temu bual

Komponen	Item
Perspektif	1. Pemikiran masyarakat Melayu 2. Sistem nilai masyarakat Melayu 3. Sikap masyarakat Melayu 4. Kepercayaan masyarakat Melayu
Praktik	5. Kehidupan berkeluarga 6. Adab 7. Gaya hidup 8. Tingkah laku 9. Perayaan
Produk	10. Agama Islam 11. Politik 12. Bahasa 13. Kesultanan Melayu 14. Budaya kebendaan 15. Landskap budaya 16. Media 17. Kesenian

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 17 item yang diperoleh daripada sesi temu bual dan pemerhatian. Dapatan yang diperoleh daripada data temu bual dan pemerhatian ini dapat dijelaskan dalam bahagian berikut:

4.1 Perspektif

Hasil temu bual yang dilakukan dengan pelajar di Jepun mendapati dua komponen perspektif dinyatakan iaitu pemikiran masyarakat Melayu dan kepercayaan masyarakat Melayu. Contoh petikan temu bual yang menyokong pernyataan ini adalah seperti berikut,

“Pemikiran masyarakat Melayu ada diajarkan di dalam kelas.”[PK1B71]

“...pemikiran masyarakat Melayu merupakan aspek yang selalu dibincangkan.”[PK2B56]



“Pemikiran masyarakat Melayu ada dibincangkan di dalam kelas.”
[PK5B36]

Berdasarkan contoh petikan temu bual, didapati komponen pemikiran masyarakat Melayu lebih kerap dinyatakan berbanding komponen perspektif yang lain. Dapatan ini turut disokong dengan hasil temu bual bersama pensyarah, iaitu Pn. T seperti berikut,

“Saya menggunakan novel BM supaya pelajar boleh mengetahui pemikiran orang Melayu yang berbeza dengan orang Jepun”. [PNTB36]

Berdasarkan temu bual tersebut, Pn. T menyatakan pemikiran masyarakat Melayu disampaikan kepada pelajar melalui novel bahasa Melayu yang digunakan dalam PdP. Selain itu, hasil temu bual juga mendapati kepercayaan masyarakat Melayu turut dilaporkan oleh pelajar Jepun seperti berikut,

“Kepercayaan masyarakat Melayu ada diajarkan.”[PK2B60]

Dapatan temu bual ini menunjukkan kepercayaan masyarakat Melayu dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Dapatan ini turut disokong oleh hasil pemerhatian yang dijalankan semasa proses PdP bahasa Melayu. Hasil pemerhatian mendapati komponen sering ini dipersembahkan oleh guru. Antara catatan pemerhatian yang dapat menjelaskan hal ini adalah seperti berikut,

Catatan pemerhatian 1: *Kelas pembacaan artikel BM yang dibimbing oleh Pn. T membincangkan artikel bertajuk “Bomoh urat dalam perubatan Melayu” dalam majalah Dewan Budaya (Bil. 4/2015). Terdapat petikan ayat yang dibaca oleh pelajar yang menyentuh tentang kepercayaan masyarakat Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam.*

Berdasarkan catatan pemerhatian tersebut, jelas bahawa komponen kepercayaan masyarakat Melayu sering dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu melalui pembacaan artikel bahasa Melayu. Selain itu, dapatan temu bual juga menunjukkan komponen sikap masyarakat Melayu turut diajarkan dalam PdP bahasa Melayu. Contoh petikan yang menyatakan hal ini adalah seperti berikut,

“Sikap orang Melayu juga ada diajarkan di dalam kelas.” [PK1B75]

Hasil temu bual ini diperkukuhkan lagi dengan pemerhatian yang dijalankan semasa proses PdP bahasa Melayu. Berdasarkan hasil pemerhatian semasa PdP bahasa Melayu berlangsung, didapati Pn. F menjelaskan sikap masyarakat Melayu kepada pelajar semasa pelajar membaca teks bahasa Melayu. Catatan pemerhatian berikut menjelaskan hal ini.



Catatan pemerhatian 2: Pelajar membaca teks yang mengandungi ayat “Tersengkang rasa ketupat di leher mengingatkan ibu di Kesang, tetapi tidak dapat diluahkan perasaan sedih itu di tengah laut”. Pn. F menjelaskan sikap orang Melayu terutamanya anak perempuan walaupun sudah berkahwin, mahu tinggal dengan bersama ibu bapa dan tidak mahu berpisah dengan ibu dan bapanya. Beliau menjelaskan bahawa ini adalah sikap orang Melayu.

Berdasarkan catatan pemerhatian tersebut, jelas bahawa Pn. F menerapkan sikap masyarakat Melayu semasa proses PdP berlangsung. Komponen ini dipersembahkan semasa pelajar membaca teks yang terdapat dalam novel ‘Alun Hidup’. Pn. F bukan sahaja menjelaskan teks yang dibaca oleh pelajar, tetapi turut menerapkan serta menjelaskan sikap masyarakat Melayu.

Kesimpulannya, jelas bahawa perspektif budaya Melayu sering dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Antara item yang sering dipersembahkan adalah pemikiran, kepercayaan dan sikap masyarakat Melayu. Representasi komponen ini dapat diperhatikan khususnya dalam kelas pembacaan novel dan artikel BM.

4.2 Praktik

Berdasarkan hasil temu bual, didapati terdapat enam tema yang dilaporkan oleh pelajar berkaitan praktik budaya Melayu. Antaranya, kehidupan berkeluarga, adab, perayaan, gaya hidup dan tingkah laku. Pernyataan berikut menjelaskan dapatan ini.

“Pn. F ada bercerita tentang hubungan antara ahli keluarga, memang semua orang suka berjumpa dengan keluarga dan suka duduk dengan keluarga.” [PK1B68]

“ada-ada. Pn. F ada mengajarkan perkara-perkara asas seperti cara orang Melayu berkomunikasi.” [PK2B46]

“Lagi, cara pergaulan orang Melayu juga turut diajarkan seperti orang Jepun boleh sentuh antara lelaki dengan perempuan, tetapi jika di Malaysia, tidak boleh.” [PK3B52]

“ada juga tentang keluarga Melayu yang dibincangkan di dalam kelas.” [PK5B36]

“...hubungan suami dengan isteri, ibu dengan anak juga sering dibincangkan” [PK5B73]

Berdasarkan hasil temu bual ini, kehidupan berkeluarga dan cara berkomunikasi masyarakat Melayu merupakan item praktik yang sering dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Hal ini turut disokong dengan hasil pemerhatian di dalam kelas terutamanya ketika kelas membaca novel. Di samping itu, pemilihan novel juga turut



mempengaruhi persembahan budaya Melayu di dalam kelas. Hasil pemerhatian mendapati novel yang mengandungi unsur kehidupan berkeluarga masyarakat Melayu digunakan di dalam kelas tersebut.

Seterusnya, hasil temu bual juga mendapati adab masyarakat Melayu turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Pernyataan berikut menjelaskan dapatan ini.

“Kebanyakannya budaya yang berkaitan dengan Islam. Contohnya cara berpakaian” [PK1B65]

“Ada juga pakaian, perlu pakai pakaian yang menutup aurat.” [PK3B48]

Berdasarkan hasil temu bual tersebut, dapat dinyatakan bahawa cara berpakaian masyarakat Melayu turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Item ini dipersembahkan dan dikaitkan dengan ajaran agama Islam. Hasil pemerhatian turut menyokong dapatan ini. Contoh catatan pemerhatian adalah,

Catatan pemerhatian 3: Semasa melakukan aktiviti membaca penulisan pelajar tentang “lelaki/wanita saya”, ramai pelajar lelaki yang menyatakan mereka suka wanita yang berambut panjang. Justeru, Pn. F terus menjelaskan kenapa perempuan Islam mesti bertudung. Beliau menjelaskan hal ini kerana keinginan lelaki terhadap seseorang wanita yang tidak bertudung. Oleh itu, dalam agama Islam wanita perlu menutup aurat, memakai tudung.

Selain itu, hasil pemerhatian juga menunjukkan penampilan guru Melayu, iaitu Pn. F yang sentiasa berpakaian menutup aurat. Hal ini dapat memberikan contoh kepada pelajar tentang cara masyarakat Melayu berpakaian menurut ajaran Islam. Walaupun penampilan ini tidak dinyatakan di dalam kelas, namun, pelajar dapat memerhati dan melihat sendiri penampilan orang Melayu. Seterusnya, gaya hidup masyarakat Melayu turut dilaporkan dalam pernyataan berikut. Hasil temu bual ini menunjukkan gaya hidup yang merangkumi tabiat dan tradisi turut dipersembahkan di dalam kelas.

“Antara aspek budaya Melayu yang sering dibincangkan di dalam kelas adalah tabiat masyarakat Melayu dan tradisi masyarakat Melayu.”[PK3B40]

Selain itu, amalan perubatan tradisional masyarakat Melayu juga ada dipersembahkan melalui artikel bahasa Melayu. Catatan pemerhatian berikut menjelaskan dapatan ini.

Catatan pemerhatian 4: Semasa kelas pembacaan Pn. T, artikel bertajuk “Bomoh Urat dalam Perubatan Melayu” terbitan Dewan Budaya Bil.4/2015 digunakan. Berdasarkan artikel yang digunakan ini, jelas bahawa amalan perubatan tradisional Melayu dibincangkan semasa PdP.

Berdasarkan catatan pemerhatian ini, dapat dilihat bahawa terdapat amalan perubatan



Melayu dalam PdP bahasa Melayu melalui artikel bahasa Melayu. Oleh itu, amalan perubatan tradisional masyarakat Melayu turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Selain itu, hasil temu bual juga menunjukkan terdapat amalan keagamaan yang turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Dapatan ini dalam dilihat dalam pernyataan berikut,

“Kebanyakannya budaya yang berkaitan dengan Islam.” [PK1B65]

“Tentang puasa, solat, dan juga haji. Tentang solat pun, kalau baca sastera ke apa-apa pun ada tentang solat fajar ke, solat asar ke, solat zuhur.” [PK1B96]

Dapatan temu bual ini menunjukkan bahawa amalan-amalan keagamaan turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Hal ini juga turut disokong dengan pemerhatian yang telah dilakukan semasa proses PdP. Catatan ini mengukuhkan bahawa amalan keagamaan terutamanya solat juga turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Contoh catatan pemerhatian adalah seperti berikut,

Catatan pemerhatian 5: Semasa pelajar membaca teks “doanya dalam sunyi malam menuju ke pagi”. Berdasarkan teks ini Pn. F menjelaskan orang Islam boleh berdoa dalam hati sahaja dan orang Islam berdoa secara langsung, terus kepada tuhan dan tidak melibatkan perantara apa-apa.

Berdasarkan hasil pemerhatian ini, jelas bahawa amalan keagamaan khususnya solat sering dipersembahkan khususnya di dalam kelas Pn. F. Berdasarkan hasil temu bual dan pemerhatian, dapat disimpulkan gaya hidup yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun merangkumi tradisi masyarakat Melayu, tabiat masyarakat Melayu, amalan perubatan tradisional Melayu dan amalan keagamaan masyarakat Melayu. Di samping itu, hasil temu bual juga menunjukkan tingkah laku sebagai item yang turut dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Pernyataan berikut menjelaskan dapatan ini.

“Aspek yang dibincangkan adalah tingkah laku bukan lisan.” [PK2B56]

Hasil temu bual ini menunjukkan komponen tingkah laku yang dipersembahkan adalah berkenaan tingkah laku bukan lisan. Melalui pemerhatian yang dijalankan pula, didapati guru menjelaskan komponen ini semasa latihan lakonan pelajar. Sewaktu pemerhatian, pelajar sedang melakonkan cerita “Si Tanggang”. Dapatan ini dapat dilihat dalam catatan pemerhatian 6.

Catatan pemerhatian 6: Semasa latihan lakonan “Si Tanggang”, Pn. F menunjukkan tingkah laku dan reaksi masyarakat Melayu apabila melontarkan dialog. Beliau menggunakan bahasa badan dan menunjukkan tingkah laku yang sesuai kepada pelajar.

Berdasarkan catatan pemerhatian ini, jelas bahawa corak tingkah laku bukan lisan ada



dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu khususnya semasa pelajar melakukan latihan lakonan. Semasa latihan ini banyak teguran yang diberikan kepada pelajar berkenaan pelbagai aspek. Pn. F turut menunjukkan reaksi orang Melayu dalam situasi tertentu. Seterusnya, hasil temu bual juga mendapati hanya seorang pelajar Jepun sahaja yang menyatakan sambutan perayaan Aidilfitri sering diajarkan dalam PdP bahasa Melayu. Pernyataan berikut menjelaskan dapatan ini.

“Sambutan hari raya memang paling banyak diajarkan.” [PK1B60]

Dapatan ini menjelaskan bahawa sambutan perayaan hari raya lebih kerap diajarkan dalam PdP bahasa Melayu. Hal ini kerana sambutan hari raya merupakan perayaan utama masyarakat Melayu dan diketahui umum.

Kesimpulannya, bagi praktik budaya Melayu yang dipersembahkan dalam pengajaran bahasa Melayu di TUFSS turut merangkumi pelbagai item seperti kehidupan berkeluarga, adab, gaya hidup dan tingkah laku.

4.3 Produk

Berdasarkan analisis temu bual dan pemerhatian, terdapat tujuh tema berkaitan produk budaya Melayu yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Antara tema tersebut, adalah institusi, bahasa, media, budaya kebendaan, landskap budaya, kesenian dan pertunjukan. Berdasarkan hasil temu bual, didapati agama Islam merupakan tema bagi institusi yang kerap dinyatakan oleh pelajar Jepun. Antara contoh petikan temu bual yang melaporkan komponen agama Islam dalam PdP bahasa Melayu adalah seperti berikut,

“Kebanyakannya berkenaan dengan Islam. Contohnya solat....”[PK1B63]

“Ada, memang banyak. Pensyarah mementingkan ajar Islam.” [PK2B24]

“Selalunya cikgu ajar tentang budaya Islam.” [PK5B34]

Kesemua hasil temu bual menunjukkan agama Islam sebagai produk budaya Melayu sangat kerap dipersembahkan oleh guru dalam PdP bahasa Melayu. Hal ini dapat dikaitkan dengan tunjang budaya Melayu, adalah agama Islam. Dapatan ini turut disokong dengan hasil pemerhatian di dalam kelas yang dibimbing oleh Pn. F. Catatan pemerhatian berikut menjelaskan dapatan ini.

Catatan pemerhatian 7: Semasa pelajar membaca penulisan mereka tentang lelaki dan wanita idaman, ramai pelajar lelaki menyatakan mereka suka wanita yang berambut panjang. Pn. F membuat kesimpulan bahawa lelaki suka wanita yang berambut panjang dan beliau menjelaskan kenapa wanita Islam bertudung. Jelas beliau, agama Islam mengatakan rambut wanita bahaya dan menyebabkan lelaki



berkeinginan terhadap seseorang wanita. Oleh sebab itu, dalam Islam wanita-wanita disuruh menutup kepala, memakai tudung untuk mengelakkan bahaya.

Berdasarkan hasil pemerhatian ini, agama Islam merupakan komponen budaya Melayu yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Pemerhatian yang telah dilakukan juga mendapati Pn. F sering menerapkan unsur agama Islam dalam setiap pelajaran. Hal ini dapat dijelaskan dengan contoh catatan pemerhatian berikut,

Catatan pemerhatian 8: Selepas selesai aktiviti mencari dan mempersembahkan lagu negeri bagi negeri Sabah, Melaka, Kedah dan Perak, Pn. F menjelaskan kosa kata yang terdapat dalam lagu-lagu tersebut dan antara kosa kata yang dibincangkan adalah 'taat'. Pn. F meminta pelajar memberikan contoh untuk kosa kata ini. Beliau turut memberikan contoh dengan mengaitkan dengan agama Islam, iaitu orang Islam taat kepada Tuhan dan sembahyang 5 kali sehari.

Di samping itu, hasil temu bual juga mendapati sistem politik turut dinyatakan pelajar Jepun sebagai tema budaya Melayu yang sering diajarkan dalam PdP bahasa Melayu. Antara pelajar yang menyatakan item ini adalah PK2 dan PK3 seperti berikut.

"politik memang ada diajarkan di dalam kelas Prof. S. Jadi saya rasa mencukupi." [PK2B52]

"Tetapi jika cikgu Jepun, contoh Prof. S lebih banyak mengajarkan politik Malaysia dan politik Jepun." [PK3B39]

Berdasarkan hasil temu bual ini, penerapan item politik dalam PdP bahasa Melayu dilakukan melalui kelas yang dikendalikan oleh Prof. S. Hal ini turut dinyatakan oleh Prof. S semasa temu bual. Petikan temu bual berikut menjelaskan hal ini.

"Biasanya saya cuba memberi penjelasan kepada pelajar tentang latar belakang budaya Melayu, Malaysia secara lisan ataupun lagi satu saya memberikan senarai perkataan yang berkaitan ekonomi, politik, pentadbiran." [PSB207]

Hasil temu bual tersebut jelas menunjukkan komponen institusi seperti ekonomi, politik dan pentadbiran ada dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu yang dibimbing oleh Prof. S. Dapatan ini disokong dengan hasil pemerhatian yang telah dijalankan mendapati komponen ini diajarkan di dalam satu kelas khusus. Catatan pemerhatian berikut menjelaskan hal ini.

Catatan pemerhatian 9: Prof. S memulakan kelas dengan memberikan ujian kosa kata kepada pelajar berkaitan dengan politik, ekonomi, perundangan dan pentadbiran di Malaysia.



Catatan pemerhatian ini menunjukkan terdapat pelbagai komponen institusi yang diajarkan semasa PdP bahasa Melayu yang dikendalikan Prof. S. Selain itu, hasil temu bual mendapati tema bahasa juga turut muncul sebagai tema budaya sering dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun sama ada lisan mahupun tulisan. Antara contoh petikan temu bual adalah seperti berikut,

“Bahasa Melayu tulisan sering diajarkan di dalam kelas.” [PK2B55]

“Aspek bahasa Melayu lisan sering dibincangkan semasa di dalam kelas”
[PK4B46]

Berdasarkan petikan temu bual tersebut, jelas bahawa bahasa Melayu tulisan dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu melalui kelas pembacaan novel dan majalah. Hasil pemerhatian pula mendapati komponen bahasa yang lebih kerap dipersembahkan, adalah bahasa Melayu lisan. Antara contoh catatan pemerhatian yang dapat menggambarkan komponen ini dipersembahkan di dalam kelas bahasa Melayu adalah seperti berikut.

Catatan pemerhatian 10: Pn. F menerangkan frasa yang terdapat dalam buku teks, iaitu “cuma sahaja”. Beliau menjelaskan dalam perbualan, lazimnya masyarakat Melayu menuturkan “sahaja’ sebagai “je” seperti “ada empat orang je”. Beliau menjelaskan lagi kata dasar adalah “sahaja” tetapi dalam perbualan, untuk bercakap, singkatan “je” lebih digunakan.

Seterusnya, hasil temu bual mendapati siaran berita Melayu turut dinyatakan pelajar Jepun sebagai tema budaya Melayu yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu. Contoh petikan temu bual adalah seperti berikut.

“Antara aspek budaya Melayu yang sering dibincangkan di dalam kelas adalah berita Melayu. Kelas Pn. T lebih memfokuskan surat khabar, berita.” [PK3B40]

“Aspek budaya Melayu yang sering dibincangkan di dalam kelas adalah siaran berita Melayu.”[PK4B46]

Hasil temu bual ini turut disokong oleh hasil temu bual bersama guru yang menyatakan terdapat penggunaan media seperti surat khabar Melayu semasa PdP bahasa Melayu. Petikan temu bual berikut menjelaskan hal ini.

“saya sering beri mereka surat khabar Melayu untuk kelas pembacaan bahasa Melayu”. [PNTB39]



Berdasarkan hasil temu bual tersebut, jelas bahawa penggunaan surat khabar Melayu yang mengandungi berita-berita terkini di Malaysia sering digunakan oleh guru untuk pembacaan pelajar. Hal ini turut disokong oleh dapatan pemerhatian yang dilakukan semasa PdP bahasa Melayu yang dibimbing oleh Pn. T. Hasil pemerhatian menunjukkan terdapat dua bahan bacaan yang digunakan, iaitu surat khabar 'Utusan Malaysia' dan majalah 'Dewan Budaya'. Hal ini menjelaskan kedua-dua bahan bacaan ini dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun khususnya di dalam kelas pembacaan.

Seterusnya, berdasarkan hasil temu bual pula menunjukkan komponen landskap budaya yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun adalah negeri-negeri dan kampung di Malaysia. Contoh petikan temu bual adalah seperti berikut,

"Jadi, kami bermula dengan belajar tentang beberapa negeri di Malaysia, KL ada di mana." [PK6B78]

"Kampung-kampung di Malaysia juga diajarkan." [PK7B32]

Dapatan temu bual ini menunjukkan guru sering mengajar tentang negeri dan kampung di Malaysia. Oleh itu, jelas bahawa berlaku penerapan komponen landskap budaya yang memfokuskan pemandaran dan perkampungan di Malaysia. Di samping itu, hasil temu bual juga menunjukkan penerapan landskap tempat turut melibatkan seni bina rumah tradisional seperti yang dinyatakan dalam pernyataan berikut.

"Sebab Prof. S sudah terjemah buku bertajuk Kampung Boy. Jadi kami sudah melihat seni bina Melayu atau macam mana seni bina rumah tradisional di Malaysia. Pn. F juga ada bercerita tentang rumah di Malaysia." [PK1B91]

Hasil temu bual ini menunjukkan seni bina tradisional di Malaysia turut dipersembahkan melalui buku grafik "*Kampung Boy*" karya Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Lat. Buku yang telah diterjemahkan kepada bahasa Jepun oleh Prof. S digunakan pelajar sebagai salah satu bahan bacaan. Pelajar dapat melihat ilustrasi dan lukisan grafik yang terdapat dalam buku tersebut yang turut mengandungi rumah tradisional masyarakat Melayu. Tambahan lagi, rumah di Malaysia turut diceritakan oleh Pn. F kepada pelajar Jepun. Keadaan ini memberikan kelebihan kepada pelajar Jepun yang mempunyai pensyarah berbangsa Melayu yang tidak dinafikan mempunyai pengetahuan dan pengalaman terhadap landskap budaya Melayu.

Selain itu, berdasarkan hasil temu bual turut mendapati muzik dan lagu Melayu turut dinyatakan pelajar Jepun. Petikan temu bual yang menjelaskan penerapan item ini adalah seperti berikut,



“Muzik Melayu ada diperkenalkan seperti lagu rasa sayang. Pn. F meminta kami menghafal lagu ini untuk dipersembahkan.” [PK1B80]

“Muzik Melayu juga ada diajarkan kepada kami.” [PK2B43]

Berdasarkan hasil temu bual tersebut, jelas bahawa berlaku penerapan lagu dan muzik Melayu dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Hal ini turut disokong oleh hasil pemerhatian yang dilakukan semasa proses PdP. Hasil pemerhatian mendapati Pn. F menerapkan lagu Melayu melalui tugas yang diberikan kepada pelajar. Antara catatan pemerhatian yang menjelaskan hal ini adalah seperti berikut,

Catatan pemerhatian 11: Pn. F membahagikan pelajar kepada empat kumpulan dan meminta pelajar untuk mencari lagu beberapa buah negeri di Malaysia, iaitu Sabah, Melaka, Kedah dan Perak. Pelajar diminta untuk berbincang tentang erti kosa kata yang terdapat dalam lirik lagu dalam kumpulan masing-masing. Kemudian pelajar diminta membentangkan lirik lagu dan menyanyi lagu tersebut. (PEMBIL5/PNF)

Berdasarkan pemerhatian ini, jelas bahawa penerapan lagu Melayu ini dilakukan melalui tugas yang diberikan kepada pelajar. Pelajar bukan sahaja diminta untuk mencari lirik lagu-lagu tersebut, tetapi diminta untuk mencari makna kosa kata baharu dan mempersembahkan lagu tersebut. Perbincangan lanjut turut dilakukan setelah kesemua kumpulan selesai mempersembahkan lagu negeri masing-masing. Aktiviti yang dilakukan ini bukan sahaja menerapkan aspek budaya Melayu dalam PdP, malahan turut menambah kosa kata baharu kepada para pelajar.

Di samping itu, berdasarkan hasil temu bual, didapati item seni bina rumah masyarakat Melayu turut dilaporkan oleh pelajar. Menurut pelajar, item ini dapat dilihat dalam buku “Kampung Boy” yang digunakan semasa pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini dilaporkan seperti berikut,

“Seni bina Melayu, seni bina rumah tradisional ada ditunjukkan dalam buku Kampung Boy yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu.” [PK1B91]

Hasil temu bual ini menunjukkan penggunaan buku ini memperlihatkan kepada pelajar seni bina rumah tradisional masyarakat Melayu. Hal ini menunjukkan seni bina yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu dilakukan melalui buku yang digunakan sebagai bahan bacaan para pelajar Jepun.

Seterusnya, hasil temu bual turut melaporkan komponen budaya kebendaan yang sering dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu adalah makanan masyarakat Melayu. Contoh petikan temu bual berikut menjelaskan dapatan ini,



“Antara aspek budaya Melayu yang sering dibincangkan di dalam kelas adalah makanan masyarakat Melayu”. [PK3B40]

“...makanan ada dibincangkan di dalam kelas Pn. F.” [PK4B33]

Hasil temu bual ini menunjukkan komponen makanan masyarakat Melayu sering dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Hasil pemerhatian yang dilakukan semasa PdP bahasa Melayu yang dibimbing oleh En. AM menunjukkan komponen ini dipersembahkan melalui latihan mencari kosa kata kerja dalam resipi masakan Melayu. Contoh catatan pemerhatian adalah seperti berikut,

Catatan pemerhatian 12: En. AM meminta pelajar membaca kata kerja yang terdapat dalam resipi masakan Melayu yang dipilih oleh pelajar sendiri. Setiap pelajar membaca kata kerja yang terdapat dalam resipi masakan Melayu. Antara resipi masakan Melayu yang digunakan oleh pelajar adalah, resipi nasi goreng kampung, nasi goreng cina dan nasi dagang. Setelah pelajar-pelajar selesai memberikan kata kerja dalam resipi masing-masing, En. AM menjelaskan kosa kata yang diperoleh.

Berdasarkan catatan pemerhatian tersebut, pensyarah, iaitu En. AM memberikan latihan kepada pelajar dengan menggunakan resipi masakan Melayu. Hal ini menjelaskan bahawa guru menerapkan budaya kebendaan, iaitu makanan dalam PdP bahasa Melayu melalui latihan kosa kata yang diberikan kepada pelajar. Selain itu, hasil pemerhatian juga mendapati En. AM menerapkan komponen melalui pertanyaan tentang persediaan pelajar untuk pesta universiti. Bagi pesta universiti tahun ini pelajar kelas ini perlu memasak makanan Melayu untuk Pesta Universiti. Catatan pemerhatian berikut menjelaskan hal ini.

Di samping, didapati Pn. F juga sering menerapkan makanan masyarakat Melayu apabila menyampaikan isu yang berkaitan semasa PdP bahasa Melayu. Catatan pemerhatian berikut menjelaskan hal ini.

Catatan pemerhatian 13: Pn. F menjelaskan makanan masyarakat Melayu, iaitu ketupat semasa pelajar membaca teks yang terdapat dalam novel “alun Hidup”. Pn. F menjelaskan kepada para pelajar tentang ketupat, iaitu sejenis makanan yang diisikan dalam daun kelapa yang telah dianyam.

Selain itu, hasil pemerhatian juga menunjukkan beberapa budaya kebendaan turut dipamerkan di dalam kelas 612 yang digunakan untuk proses PdP bahasa Melayu di Jepun. Antara peralatan tersebut adalah alat muzik tradisional, congkak, kain batik, kain pelekat dan bunga manggar. Hasil pemerhatian ini menunjukkan terdapat beberapa budaya kebendaan yang dipamerkan di dalam salah sebuah kelas yang digunakan untuk PdP bahasa Melayu di Jepun.



Seterusnya, berdasarkan temu bual yang dijalankan bagi komponen pertunjukan, didapati hanya filem Melayu sahaja dinyatakan oleh pelajar Jepun. Contoh petikan temu bual adalah seperti berikut,

“Kedua di dalam kelas Prof. S, kami menonton dua filem Melayu yang memang terkenal di Malaysia arahan Yasmin Ahmad. Kami sudah menonton dua filem Melayu.” [PK1B87]

Hasil temu bual ini menunjukkan terdapat filem dan drama Melayu ditonton oleh pelajar semasa PdP bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, didapati item ini masih kurang dipersembahkan dalam PdP berdasarkan hasil temu bual bersama pelajar Jepun. Hasil temu bual ini mendapati pelajar Jepun menyarankan supaya filem dan drama Melayu dipertontonkan semasa PdP. Contoh petikan temu bual adalah seperti berikut,

“Jadi kalau boleh ada filem dan drama Melayu di dalam kelas, kelas itu akan jadi lebih menarik dan seronok.” [PK3B62]

Hasil temu bual ini memperlihatkan kekurangan penerapan filem dan drama Melayu dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Oleh itu, PK3 menyarankan agar kedua-dua item ini dapat dimasukkan dalam PdP bahasa Melayu untuk memastikan kelas lebih menarik dan menyeronokkan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa penerapan komponen pertunjukan perlu dilakukan dengan lebih kerap dalam PdP bahasa Melayu. Hal ini dapat menjadikan pembelajaran bahasa Melayu dengan penerapan budaya Melayu lebih menarik serta membenarkan pelajar untuk menikmati proses PdP.

Sementara itu, hasil pemerhatian yang dilakukan mendapati komponen individu ada dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun. Hal ini diperhatikan semasa kelas pembacaan yang dibimbing oleh Pn. T, didapati nama Tun Dr. Mahathir Mohamad, iaitu seorang tokoh Melayu yang terkenal tertera dalam tajuk utama artikel yang digunakan. Namun, artikel tersebut hanya menceritakan isu semasa yang melibatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2018. Penceritaan atau perbincangan lanjut tentang tokoh ini tidak dilakukan semasa pemerhatian. Hal ini menjelaskan bahawa komponen ini kurang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai item berkaitan produk budaya Melayu. Antaranya institusi, bahasa, media, budaya kebendaan, landskap budaya, kesenian dan pertunjukan. Hal ini menunjukkan produk budaya Melayu banyak dipersembahkan dalam pengajaran bahasa Melayu di TUFSS.

5.0 Perbincangan dan Kesimpulan

Secara umumnya, representasi budaya Melayu dalam PdP bahasa Melayu di Jepun merangkumi kerangka budaya 3P yang dikemukakan oleh National Standards (2006).



Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa pengajaran budaya Melayu disepadukan dengan pengajaran BM semasa di dalam kelas. Dapatan ini sangat bertentangan dengan kajian Lin (2017) yang mendapati aspek budaya masih lagi diasingkan dengan pengajaran bahasa. Hal ini bermaksud pengajaran bahasa dan budaya dilakukan secara terpisah. Seharusnya aspek budaya disertakan dalam PdP bahasa kerana kedua-duanya saling berhubungan dan aspek budaya juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pendidikan bahasa asing (Duyen 2019).

Di samping itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan perbezaan dengan dapatan kajian Juwairiah e tal. (2018), Junaini et al. (2018) dan Mardian, Azman dan Yusfarina (2017). Kajian-kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan beberapa komponen budaya sahaja. Komponen budaya yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu adalah statik dan lebih terarah pada budaya yang dinyatakan. Hal ini berbeza dengan dapatan kajian ini yang memperlihatkan pelbagai komponen budaya yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu baik di Jepun. Hal ini dapat dikaitkan dengan keperluan yang lebih utuh bagi PdP bahasa Melayu di negara yang terasing daripada penggunaan bahasa dan budaya Melayu berbanding PdP bahasa Melayu di negara yang membekalkan kedua-dua aspek ini.

Selain itu, hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan Nomnian (2013) dan Lustyantie dan Dewi (2020) yang menunjukkan perspektif sebagai elemen budaya yang kerap diintegrasikan dalam PdP bahasa. Jelas Nomnian (2013), elemen ini sering diintegrasikan walaupun dalam PdP bahasa Inggeris untuk mengekspresikan pemikiran dan pendapat masyarakat Thailand. Lustyantie dan Dewi (2020) pula menegaskan elemen ini sering diintegrasikan dalam PdP bahasa Perancis sebagai bahasa asing di Indonesia kerana masyarakat Perancis sangat berpegang teguh dengan ideologi (fahaman) yang menjadi dasar kepada semua kegiatan masyarakat Perancis. Hasil kajian juga menunjukkan komponen budaya Melayu yang dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu bagi di Jepun adalah pelbagai dan tidak stereotaip. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa representasi budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu yang melibatkan perspektif, praktik dan produk sudah dilakukan sejak permulaan kelas di Jepun. Hal ini kerana pelajar yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar tahun kedua dan ke atas peringkat ijazah.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh ini, dapat dicadangkan kajian seterusnya untuk meneliti dengan lebih mendalam tentang representasi budaya Melayu dalam buku teks atau bahan bacaan. Kajian ini dapat membantu pelajar, guru dan penyelidik untuk mengetahui gambaran sebenar representasi budaya dalam buku yang disediakan untuk PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kajian lanjut juga boleh memberikan tumpuan pada amalan pengajaran budaya Melayu di dalam kelas bahasa Melayu agar para guru dapat melaksanakan PdP bahasa Melayu dengan komponen budaya Melayu yang komprehensif.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa PdP bahasa Melayu di Jepun merangkumi ketiga-tiga elemen asas budaya, iaitu perspektif, praktik dan produk. Representasi budaya Melayu juga turut merangkumi pelbagai komponen budaya



Melayu dan penekanan juga diberikan pada beberapa komponen budaya yang dapat menjelaskan budaya Melayu. Hal ini memperlihatkan kerangka budaya yang diperkenalkan oleh National Standard (2006) dipersembahkan dalam PdP bahasa Melayu di Jepun.

Rujukan

- Azizi Yahaya, Voo, P., Ismail Maakip, & Mohd Dahlan A. Malek. (2018). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Christiansen, M. S., & Silva, D. (2016). Teaching culture in EFL classrooms in Mexico: Current practices and pedagogical recommendations. *MEXTESOL Journal*, 40(2), 1–13.
- Erfani, S. M. (2014). Source culture, target culture or interculture? Iranian English language teachers perception of culture. *International Journal of Language Learning and Applied Linguistics World.*, 6(1), 317–337.
- Hernandez, R. M., Paola, J., & Garay, P. (2021). Investigating instructors' and students' attitudes towards the effectiveness of having target cultural knowledge on learning English as a foreign language. *International Journal of Society, Culture & Language*, 9(3), 64–72.
- Hidayati, N., Fauziati, E., & Tarjana, S. S. (2017). The Influence of Mastering Target-Language Culture on the Students' Language Skills. *Jurnal of English Education*, 2(1), 89–96. <https://usnsj.com/index.php/JEE/article/download/2.1.89-96/2.1.JEE>
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, & Hasnah Mohamad. (2018). Pembangunan kit video pembelajaran bahasa Melayu penutur asing berteraskan budaya. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 144–157.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Lustyantie, N., & Dewi, E. R. (2020). Representation of French culture as a foreign language through textbooks. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(3), 404–421. <https://doi.org/10.26803/ijlter.19.3.22>
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat, & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam budaya dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 81–92.
- Marrs, D. J. (2014). *Are We There Yet? A Qualitative Study of ACTFL's 3Ps in Content and Instructional Strategies Used to Develop Intercultural Communicative Competence in the Foreign Language Classroom language classroom* [University of Kansas]. <http://kuscholarworks.ku.edu/handle/1808/15137>



- National Standards in Foreign Language Education Project. (2006). *Standards for Foreign Language Learning in 21st Century* (3rd Edition (ed.)).
- Noridah Mohd. Ishak, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Mohd. Izham Mohd. Hamzah, & Siti Rahayah Ariffin. (2013). Kajian kes. In Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam Pendidikan* (pp. 355–380). Mc Graw Hill Education.
- Razi, S. (2012). Developing the inventory of cultural components to assess perception in language learning. *Novitas ROYAL Research on Youth and Language*, 6(2), 169–186.
- Rybikova, V. (2018). *The Representation of Cultures in English Textbooks* [Univerzita Karlova, Prague]. <https://doi.org/10.1093/elt/ccq089>
- Saemee, K., & Nomnian, S. (2021). Cultural representations in ELT textbooks used in a multicultural school. *REFlections*, 28(1), 107–120.
- Schiazza, D. M. (2013). *A Case Study of a Mixed Methods Study Engaged in Integrated Data Analysis*. Loyola University Chicago.
- Yichen, L. (2016). *Teaching culture in Chinese university EFL classrooms: Understanding instructors' perspectives and pedagogical decisions*. University of Minnesota, United States.
- Yuen, K. (2011). The representation of foreign cultures in English textbooks. *ELT Journal*, 65(October), 458–466. <https://doi.org/10.1093/elt/ccq089>

